

**Lagi desakan minta KSN bersara  
Utusan Online  
17 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 16 Mac - Desakan agar Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Abu Bakar Abdullah menyegerakan persaraan mereka kini semakin lantang.

Terbaru, Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang pula membuat desakan itu ekoran kontroversi Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) sehingga ia terpaksa dibatalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Musa Sheikh Fadzir berkata, Mohd. Sidek dan Abu Bakar perlu mengambil tanggungjawab ekoran kontroversi itu dan bukannya mendiamkan diri.

Katanya, mereka perlu mencontohi Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil yang mengambil tanggungjawab atas kontroversi membabitkan suaminya apabila mengumumkan perletakan jawatan sebagai menteri mulai 8 April ini.

"Berundurlah dan bagi peluang kepada orang lain yang lebih muda untuk memimpin perkhidmatan awam. Kedua-dua mereka kena mengambil tanggungjawab ini kerana disebabkan kedaifan mereka, SBPA menjadi kontroversi.

"Mereka kena ingat, kerajaan yang terpaksa menanggung kesan akibat kemarahan penjawat awam dan kalau Shahrizat boleh berundur, adakah mereka mahu berdiam diri sahaja," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Semalam Ahli Parlimen Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali mendesak kerajaan bertegas terhadap Mohd. Sidek dan Abu Bakar dengan menyegerakan persaraan mereka ekoran keputusan pembatalan pelaksanaan SBPA baru-baru ini.

Jelas Ibrahim, langkah itu wajar kerana kedua-dua mereka bertanggungjawab sepenuhnya terhadap setiap kontroversi yang berlaku kerana SBPA didapati langsung tidak memberi keadilan kepada penjawat awam.

Dalam pada itu, dakwa Musa, keputusan Perdana Menteri membatalkan SBPA menunjukkan Mohd. Sidek serta Abu Bakar tidak memberi maklumat tepat kepada Najib dan perbuatan tersebut umpama satu pengkhianatan.

"Kalau mereka ini bertanggungjawab dan memberi maklumat yang tepat, sudah tentu penjawat awam berpuas hati dengan SBPA dan Perdana Menteri juga tidak perlu membatalkan skim itu," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0317&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_04.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0317&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_04.htm)